

# Premis makanan guna berus bulu babi

**SEREMBAN** - Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) mengharamkan tiga berus warna hitam dipercayai diperbuat daripada bulu babi yang digunakan untuk menyediakan makanan di sebuah restoran di Senawang dekat sini semalam.

Pengarahnya, Mohd. Zaidi Ramli berkata, premis yang tidak memiliki sijil halal itu bagaimanapun didapati tidak menyedari tentang status berus tersebut dan meminta maaf kepada JHEAINS.

Jelasnya, kesilapan itu berlaku kerana kebanyakan premis makanan hanya memberi tumpuan terhadap penggunaan bahan mentah yang halal sedangkan peralatan yang digunakan perlu juga dipastikan halal.

"Kebiasaannya bulu babi bentuknya keras dan kasar selain bercabang pada hujungnya. Berus itu dipercayai digunakan untuk sapu minyak pada ayam. Kami galakkan semua terlibat dalam perkhidmatan makanan dapatkan sijil halal supaya kami dapat

bimbing mereka.

"JHEAINS memiliki senarai peralatan yang halal dan tidak halal dalam menyediakan makanan," katanya pada sidang akhbar sempena Kempen Cakna Halal Ziarah Halal Tour' di sini semalam.

Sementara itu, Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sembilan, Mohd. Tarimi Rashid menjelaskan, premis yang menggunakan berus dipercayai diperbuat daripada bulu babi terbabit

tidak dikenakan tindakan. Katanya, ia ekoran premis itu tidak menggunakan sebarang petunjuk untuk mengelirukan pengguna bahawa makanan di premis itu adalah halal seperti mempamerkan ayat suci al-Quran.

"Restoran yang menjual nakan sebarang petunjuk maknanya halal dimakan orang Islam tetapi menggunakan peralatan tidak menepati hukum syarak boleh didenda sehingga RM5 juta di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011," katanya.



TIGA berus diperbuat daripada bulu babi dirampas oleh JHEAINS di sebuah restoran di Senawang semalam.